

Set 1 - Soalan Struktur

Jawab semua soalan di bawah.

- 1 IPOH- Isnin, sebanyak 24 orang pelajar dari beberapa buah sekolah berhampiran telah ditahan oleh polis atas kesalahan melepak di pusat permainan video. Mereka yang sepatutnya berada di sekolah.

- a) Sekiranya ahli keluarga anda turut terlibat dalam situasi di atas, apakah perasaan anda? Terangkan.

(3 markah)

- b) Huraikan tindakan anda jika terdapat rakan sekelas anda turut melakukan perbuatan melepak.

(4 markah)

- c) Nyatakan tiga cara anda dapat menghindarkan diri daripada gejala lepak.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____


(3 markah)

- 2 Gambar di bawah menunjukkan tanggungjawab sosial seorang bapa terhadap anak-anaknya.



- a) Nyatakan dua kewajipan sosial yang perlu dipenuhi oleh seorang bapa terhadap anak-anaknya.
- (i) _____
- (ii) _____
- (2 markah)
- b) Ramalkan tiga kesan terhadap anak-anak sekiranya kewajipan sosial itu tidak dipenuhi oleh seorang bapa.
- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (3 markah)
- c) Andaikan anda seorang ketua keluarga, nyatakan tiga kewajipan ekonomi yang perlu disediakan untuk keluarga anda.
- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (3 markah)
- d) Pada pendapat anda, mengapakah kewajipan dan tanggungjawab terhadap keluarga ini perlu dilaksanakan dan dipenuhi?
- _____
- _____
- (2 markah)

3



KONSEP 5R PERLU MENJADI AMALAN MASYARAKAT

- a) Terangkan dua nilai yang harus diamalkan oleh masyarakat dalam menyokong amalan konsep 5R.

- (i) _____

 (ii) _____

(4 markah)

- b) Nyatakan dua manfaat menggunakan semula bahan-bahan terbuang.

- (i) _____
 (ii) _____

(2 markah)

- c) Pada pendapat anda, apakah faktor yang mendorong masyarakat mengabaikan amalan konsep 5R? Terangkan jawapan anda.

- (i) _____

 (ii) _____

(4 markah)

Soalan Esei

1

KUALA LUMPUR, Ahad – Program anti rasuah perlu dipertingkatkan secara lebih serius melalui pendidikan dan laporan media bagi mewujudkan sikap anti rasuah dalam masyarakat.

Sumber: Berita Harian, 1 April 2002.

Andaikan anda seorang pemimpin Negara, cadangkan cara - cara untuk menangani masalah rasuah berdasarkan nilai-nilai murni yang anda pelajari.

(10 markah)

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and extend across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

BIL	SKEMA STRUKTUR	MARKAH
1.	(a) Sedih/hampa/kecewa i. menjatuhkan nama keluarga ii. menjejaskan maruah diri iii. pelajaran terganggu <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (b) i. melaporkan kepada guru supaya tindakan selanjutnya dapat diambil ii. menasihati mereka supaya insaf dan tidak mengulangi perbuatan melepak <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (c) i. berpegang teguh pada ajaran agama ii. menuruti nasihat ibu bapa iii. tidak terpengaruh dengan rakan yang terlibat dengan gejala sosial iv. sentiasa mematuhi undang-undang <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1 1 1 1 1+1 1+1 1 1 1 1
2.	(a) i. Keselamatan ii. Kepemimpinan <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (b) i. Berasa tidak selamat ii. Gangguan emosi iii. Rasa hormat anak-anak mungkin hilang iv. Anak-anak menjadi tidak suka kepada bapa sendiri <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (c) i. Sumber rezeki yang halal ii. Menyediakan keperluan asas yang mencukupi iii. Berekreasi atau beriadah bersama keluarga <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (d) i. Untuk melahirkan keluarga bahagia ii. Untuk meningkatkan imej/maruah keluarga iii. Untuk menghindari konflik antara anggota keluarga <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

[illegible]

Set 2 - Soalan Struktur

Jawab semua soalan di bawah.

4



Kepelbagaian budaya cerminan hidup yang lebih harmoni

- a) Setujukah anda bahawa kepelbagaian budaya dapat memupuk keharmonian hidup rakyat Malaysia? Berikan alasan anda.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

- b) Terangkan dua nilai yang harus diamalkan oleh masyarakat dalam mengekalkan perpaduan dan kesejahteraan bersama.

(i) _____

(ii) _____

(4 markah)

- c) Pada pendapat anda, apakah aktiviti yang dapat memupuk keharmonian hidup masyarakat majmuk di Malaysia.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

(4 markah)

- 5 Pernyataan di bawah ini adalah mengenai bantahan daripada Pegawai Khas Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

“Kami membantah sekiranya iklan yang disiarkan memaparkan aksi wanita yang mencolok mata” - Pegawai Khas Kementerian , Keluarga dan Masyarakat.

- a) Tindakan tersebut adalah wajar. Berikan dua pendapat anda.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

- b) Senaraikan dua bentuk perlindungan di bawah Dasar Pembangunan Wanita.

(i) _____

(i) _____

(2 markah)

- c) Jelaskan dua sumbangan wanita terhadap negara.

(i) _____

(ii) _____

(4 markah)

- d) Huraikan dua cara bagi menghargai jasa wanita yang telah berbakti kepada tanah air.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

6



- a) Penubuhan pasukan Rukun Tetangga di kawasan kediaman seperti kawasan perumahan dan kampung banyak faedahnya. Nyatakan faedah tersebut.
- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (3 markah)
- b) Berikan tiga kebaikan penubuhan pasukan Rukun Tetangga di kawasan perumahan atau kampung.
- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____
- (3markah)
- c) Jelaskan dua cara bagaimana penubuhan pasukan Rukun Tetangga boleh membantu dalam pembangunan negara.
- (i) _____
- (ii) _____
- (2 markah)
- d) Ramalkan dua kesan yang akan berlaku jika penduduk di kawasan kediaman tidak berminat untuk menyertai Rukun Tetangga.
- (i) _____
- (ii) _____
- (2 markah)

Soalan Esei

2

SAMBUTAN HARI BAPA

TARIKH : 24 JULAI 2016

TEMPAT: DEWAN ORANG RAMAI MURNI

Pada pendapat anda, apakah peranan seorang anak terhadap bapa berdasarkan nilai - nilai murni yang anda pelajari.

(10 markah)

[illegible]

BIL	SKEMA STRUKTUR	MARKAH
4.	(a) Setuju i. akan meningkatkan perasaan bangga dan sayang akan negara ii. dapat mewujudkan persefahaman antara kaum iii. tanda keunikan masyarakat majmuk <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (b) Nilai cinta akan negara / Nilai sanggup berkorban untuk negara / Nilai toleransi / Nilai rasional / Nilai bertanggungjawab / Nilai hidup bersama secara aman <i>(Mana-mana nilai yang sesuai)</i> - supaya kehidupan lebih aman dan damai - supaya masyarakat pelbagai kaum dapat melakukan aktiviti keagamaan dengan bebas dan lancar - supaya tidak wujud perbezaan antara satu sama lain - wujud negara yang tenteram - pembangunan negara berjalan lancar <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (c) i. sambutan rumah terbuka ii. aktiviti gotong-royong iii. sambutan Hari Keluarga iv. sambutan Hari Sukan Negara v. sambutan Hari Kemerdekaan <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1 1 1 1 1+1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
5.	(a) i. menjejaskan imej dan maruah wanita ii. berlaku pengeksploitasian terhadap wanita iii. menjaga martabat kaum wanita <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> b) i. hak yang sama rata dengan kaum lelaki ii. mengintegrasikan wanita dalam sektor pembangunan negara <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> c) i. Mendidik anak bangsa ke arah pembentukan nilai murni yang bakal memimpin generasi akan datang ii. Sebagai tulang belakang pembangunan negara - contohnya Datuk Mazlan yang terlibat dengan dunia astronomi <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> d) i. Memberi pingat ii. Mengiktirafkan nama mereka dalam "Malaysia Book of	1 1 1 1 1 1+1 1+1 1 1

MODUL SOALAN TROPIKAL (CEMERLANG)

	Record”	
	iii. Mengabadikan nama mereka pada nama sekolah, jalan atau bangunan dalam negara <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1
6.	(a) i. Membuat rondaan keselamatan 1 ii. Mengurangkan kegiatan jenayah 1 iii. Menganjurkan kegiatan berbentuk kemasyarakatan, kebajikan dan pendidikan 1 iv. Menganjurkan program meningkatkan perpaduan dan integrasi kaum. 1 <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (b) i. Dapat bersama-sama menjaga keselamatan kawasan kediaman dan kampung 1 ii. Belajar menghormati dan mengutamakan orang sekeliling 1 iii. Melatih untuk bersedia berkongsi tanggungjawab demi kebaikan semua 1 <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (c) i. Masyarakat yang pelbagai kaum bersatu padu 1 ii. Membantu membanteras kegiatan jenayah 1 iii. Membantu mewujudkan keamanan 1 <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (d) i. Kegiatan jenayah berleluasa 1 ii. Penduduk selalu berada dalam ketakutan dan rasa tidak selamat 1 <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	

[illegible]

Set 3 - Soalan Struktur

Jawab semua soalan di bawah.

- 7 Malaysia telah menghulurkan pelbagai bantuan kemanusiaan kepada negara-negara yang mengalami masalah bencana alam atau pergolakan politik.

a) Berikan tiga nilai yang diamalkan oleh negara Malaysia.

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

(3 markah)

b) Ada pihak yang berpendapat bahawa pemberian bantuan kemanusiaan kepada negara lain merupakan sesuatu yang membazirkan wang dan sumber negara. Setujukah anda dengan pendapat ini? Huraikan jawapan anda.

(4 markah)

c) Apakah yang akan berlaku sekiranya tiada negara yang sudi menghulur bantuan kemanusiaan kepada negara yang memerlukan?

- (i) _____
(ii) _____
(iii) _____

(3 markah)

RASUAH PEMUSNAH NEGARA

- (a) Berikan dua nilai yang sesuai berdasarkan pernyataan di atas selain nilai bertanggungjawab.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

- (b) Terangkan dua implikasi kepada individu yang terlibat dalam rasuah.

(i) _____

(ii) _____

(4 markah)

- (c) Kerajaan menjalankan pelbagai kempen membanteras rasuah. Tindakan kerajaan adalah wajar. Berikan komen anda.

(4 Markah)

9

Keluarga Sethu keluar makan bersama untuk meraikan kejayaan anggota keluarganya yang mendapat keputusan cemerlang dalam ujian atau peperiksaan serta memenangi sesuatu pertandingan.

- a) Setujukah anda dengan amalan keluarga Sethu? Huraikan jawapan anda.

(3 markah)

- b) Nyatakan dua nilai yang dapat dipupuk melalui amalan di atas.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

- c) Berikan tiga amalan lain yang boleh dijadikan tradisi keluarga.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)


- d) Nyatakan dua agensi yang berperanan dalam mengekalkan tradisi pelbagai kaum.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

4



Berdasarkan rajah di atas, huraikan nilai-nilai yang perlu diamalkan oleh setiap individu bagi mengatasi masalah di atas.

(10 markah)

[illegible]

BIL	SKEMA STRUKTUR	MARKAH
7.	a) i. Nilai saling membantu dan bekerjasama ii. Nilai saling menghormati antara negara iii. Nilai rasional (Mana-mana nilai yang sesuai) b) Tidak setuju - Bantuan kemanusiaan yang diberi mampu meringankan beban masyarakat - Bantuan tersebut memberikan semangat dan motivasi untuk terus menghadapi situasi malang ini - Bantuan tersebut dapat menyelamatkan nyawa manusia (Mana-mana jawapan yang munasabah) c) i. Masyarakat akan hidup merana/menderita tanpa bantuan yang diperlukan ii. Jumlah kematian akan meningkat jika bantuan tidak sampai pada masa tertentu iii. Penularan penyakit berjangkit jika tiada bantuan seperti perubatan dibekalkan kepada mangsa bencana (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
8.	a) i. Nilai rasional ii. Nilai amanah (Mana-mana nilai yang sesuai) b) i. Maruah diri tercemar - contohnya masyarakat tidak akan mempercayai individu tersebut ii. Kehilangan pekerjaan - contohnya individu tersebut boleh di buang kerja (Mana-mana jawapan yang munasabah) c) - Tindakan itu akan menyedarkan masyarakat - Memahami bahawa rasuah adalah salah di sisi undang-undang - Melahirkan masyarakat bebas rasuah - Meningkatkan imej negara (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1+1 1+1 1 1 1 1

9.	a)	
	Setuju	1
	- dapat memupuk hubungan mesra dan kasih sayang antara anggota keluarga	1+1
	- Memberi motivasi kepada ahli keluarga untuk melakukan sesuatu dengan lebih tekun	1+1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	b)	
	i. Nilai hormat dan taat kepada anggota keluarga	1
	ii. Nilai kasih sayang terhadap keluarga	1
	iii. Nilai tanggungjawab terhadap keluarga	1
	(Mana-mana nilai yang sesuai)	
	c)	
	i. Menyambut hari lahir ahli keluarga	1
	ii. Mengadakan hari keluarga	1
	iii. Bercuti bersama keluarga	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
	d)	
	i. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	1
	ii. Muzium Negara	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	

BIL	SKEMA ESEI	MARKAH
3.	Setuju	1
	Nilai saling menghormati antara negara / Nilai saling membantu dan bekerjasama / Nilai hidup bersama secara aman / Nilai sikap keterbukaan / Nilai toleransi	1+1+1
	H1 - Menjamin kestabilan politik negara	1
	C1 - dengan menjadi anggota ASEAN, Malaysia merupakan salah sebuah negara di bawah zon aman, bebas dan berkecuali	1
	H2 - Meningkatkan/memakmurkan ekonomi negara	1
	C2 - membolehkan negara bersaing secara sihat untuk melakukan perdagangan (eksport) dengan negara lain - menggalakkan pelaburan dari negara serantau	1+1
	H3 - Negara kita bebas dari konflik antarabangsa dan serantau / peperangan	1
	C3 - melalui penglibatan negara menjadi anggota NAM - mengelakkan campur tangan kuasa asing dalam hal ehwal sebuah negara dan menyelesaikan pertelingkahan antara negara melalui rundingan dan persefahaman	1+1
	H4 - Mudah mendapat bantuan dan sokongan daripada negara serantau	1
	C4 - negara serantau akan memberi bantuan dengan segera apabila negara kita memerlukan pertolongan kerana hubungan yang erat telah dijalinan antara satu sama lain	1+1

MODUL SOALAN TROPIKAL (CEMERLANG)

	H5 - Meningkatkan taraf pendidikan negara C5 - melalui jalinan kerjasama antara universiti tempatan dengan universiti di negara lain - rakyat berpeluang melanjutkan pelajaran ke negara-negara yang maju	1 1+1
	H6 - Meningkatkan perkongsian dan pemindahan teknologi C6 - melalui idea “Dasar Pandang ke Timur” yang menjadikan Jepun sebagai model kepesatan teknologi - rakyat dapat mempelajari teknologi terkini untuk merealisasikan kemajuan negara	1 1+1
	H7 - Menangani isu imigrasi dan aliran tenaga buruh asing C7 - masalah kedatangan warga asing tanpa permit yang sah dapat diselesaikan dengan wujudnya hubungan dua hala yang baik antara kedua-dua pihak - Malaysia mengambil pendekatan melalui perundingan dengan kerajaan Indonesia bagi menangani isu warga asing tanpa permit	1 1+1
	<i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	(Max 10)
4.	Nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar / Nilai keharmonian antara manusia dengan alam sekitar / Nilai kemapanan alam sekitar / Nilai peka terhadap isu-isu alam sekitar H1- Memelihara alam sekeliling C1- tidak membakar sampah secara terbuka H2- Memulihara alam sekeliling C2- Bergotong royong membersihkan kawasan yang kotor /tercemar H3 - Manusia dan alam sekeliling memerlukan hubungan yang harmonis C3 - Tidak membuang sampah atau bahan toksik ke dalam sungai C3 - Memelihara kualiti kehidupan manusia dan alam sekeliling C3 - Alam sekeliling yang tercemar akan menjejaskan kesihatan manusia H4 - Mengekalkan keseimbangan alam sekitar C4 - Pembalakan haram akan menjejaskan ekosistem dan mengakibatkan tanah runtuh C4 - Tanggungjawab bersama menjaga alam sekeliling untuk kesejahteraan hidup <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1+1+1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
		(Max 10)

Set 4 - Soalan Struktur

Jawab semua soalan di bawah.

10



Projek ternakan ikan akuakultur di kawasan paya bakau boleh mendatangkan kebaikan kepada manusia dan mendatangkan keburukan kepada persekitaran.

a) Nyatakan dua kebaikan projek tersebut kepada manusia.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

b) Jelaskan tiga sebab mengapa projek ternakan itu memberi kesan buruk kepada persekitaran.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)

c) Nyatakan dua langkah yang boleh dilakukan oleh pengusaha projek terbabit untuk mengelakkan berlakunya kerosakan kepada persekitaran kawasan tersebut.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

d) Ramalkan tiga kesan yang mungkin wujud ke atas kawasan persekitaran akibat daripada projek ini.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)

Hafiz Jantan bolot pingat emas 100m Sukan Sea 2017

- a) Terangkan dua nilai yang diamalkan oleh atlet di atas.

(i) _____

(ii) _____

(4 markah)

- b) Nyatakan empat cara untuk menaikkan imej Malaysia di persada dunia.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____


(4 markah)

- c) Namakan dua atlet lain yang pernah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)



Gambar yang berikut adalah mengenai satu bentuk skim cepat kaya di Malaysia

- a) Kerajaan sentiasa berusaha melindungi pengguna daripada tertipu dalam skim cepat kaya. Berikan maksud nilai melindungi hak pengguna.

(2 markah)

- b) Nyatakan dua cara anda dapat mengelakkan diri daripada menjadi mangsa skim cepat kaya.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

- c) Terangkan dua usaha kerajaan dalam meningkatkan pendidikan tentang kepenggunaan dalam kalangan masyarakat.

(i) _____

(ii) _____

(4 markah)

- d) Namakan dua akta yang melindungi pengguna daripada dieksploitasi oleh peniaga.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

5

Kuala Lumpur: Ratu skuasy negara, Datuk Nicol Ann David mencipta rekod dunia baharu apabila bertahan selama 106 bulan sebagai pemain nombor satu dunia dalam senarai terbaharu Persatuan Skuasy Wanita.

Pada pendapat anda apakah faktor-faktor yang membawa kejayaan kepada beliau. Berikan penjelasan.

(10 markah)

[illegible]

(10 markah)

[illegible]

BIL	SKEMA STRUKTUR	MARKAH
10.	a) i. Dapat memenuhi permintaan ikan di pasaran ii. Memberi keuntungan kepada pengusaha <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> b) i. Sisa kumbahan disalurkan ke kawasan yang berhampiran ii. Melibatkan penebangan pokok-pokok bakau secara berleluasa iii. Memusnahkan habitat semula jadi haiwan di kawasan paya bakau <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> c) i. Mengkaji keseimbangan ekosistem ii. Mengelakkan daripada berlakunya pencemaran di kawasan terbabit <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (d) i. Kepupusan pokok bakau ii. Terdedah kepada angin kencang dan tsunami iii. Terdedah kepada hakisan tanah iv. Habitat semula jadi ikan dan udang musnah <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1
11.	a) Nilai cinta akan negara, Nilai sanggup berkorban untuk negara, Nilai kerajinan, Nilai amanah, Nilai bertanggungjawab, Nilai rasional <i>(Mana-mana nilai yang sesuai)</i> - Rela melakukan yang terbaik untuk negara - Menjalankan tugas dan kewajipan dengan penuh semangat - Tidak mudah putus asa - Rajin dan berdaya saing <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> b) i. Mendapat kejayaan dalam ujian PISA dan TIMMS ii. Mengaplikasikan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian iii. Menyertai pertandingan peringkat antarabangsa iv. Mempromosikan budaya negara kita v. Sentiasa menjunjung tinggi dan menghormati pemimpin negara <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i> (c)	1 +1 1 1 1 1 1 1 1

	i. Nicol Ann David	1
	ii. Pandelesa Rinong	1
	iii. Dato Lee Chong Wei	1
	iv. Thanabalan	1
	v. Shalin Zulkifli	1
	(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
12.	(a) i. Membela dan memelihara hak individu untuk menjadi pengguna yang berilmu, mendapat perkhidmatan serta barangan yang berkualiti dan tidak mudah dieksploitasi ii. Kerajaan melaksanakan kempen kesedaran untuk memberi kesedaran kepada para pengguna supaya tidak mudah dieksploitasi oleh peniaga (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1+1 1+1
	(b) i. Membuat pelaburan di institusi/agensi yang sah di sisi undang-undang ii. Tidak tamak dengan pulangan yang tinggi iii. Mengesahkan maklumat syarikat yang menawarkan pelaburan iv. Mencari maklumat/ilmu tentang skim cepat kaya (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1
	(c) i. Mengadakan kempen kesedaran - Menampal poster/ mengadakan ceramah/ seminar kepenggunaan ii. Menyiarkan rancangan kepenggunaan - menyiarkan kuiz kepenggunaan / isu kepenggunaan melalui televisyen/ radio iii. Menganjurkan program kepenggunaan - mengadakan kuiz / forum kepenggunaan (mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1
	(d) i. Akta Perlindungan Pengguna 1999 ii. Akta Jualan Langsung 1993 iii. Akta Kawalan Harga 1946 iv. Akta Kawalan Bekalan 1961 v. Akta Timbang dan Sukat 1972 vi. Akta Sewa Beli 1967 (mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 1

	b) i. hak yang sama rata dengan kaum lelaki 1 ii. mengintegrasikan wanita dalam sektor pembangunan negara 1 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) c) i. Mendidik anak bangsa ke arah pembentukan nilai murni yang bakal memimpin generasi akan datang 1+1 ii. Sebagai tulang belakang pembangunan negara - contohnya Datuk Mazlan yang terlibat dengan dunia astronomi 1+1 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) d) i. Memberi pingat 1 ii. Mengiktirafkan nama mereka dalam “Malaysia Book of Record” 1 iii. Mengabadikan nama mereka pada nama sekolah, jalan atau bangunan dalam negara 1 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>)	
6.	(a) i. Membuat rondaan keselamatan 1 ii. Mengurangkan kegiatan jenayah 1 iii. Menganjurkan kegiatan berbentuk kemasyarakatan, kebajikan dan pendidikan 1 iv. Menganjurkan program meningkatkan perpaduan dan integrasi kaum. 1 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) (b) i. Dapat bersam-sama menjaga keselamatan kawasan kediaman dan kampung 1 ii. Belajar menghormati dan mengutamakan orang sekeliling 1 iii. Melatih untuk bersedia berkongsi tanggungjawab demi kebaikan semua 1 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) (c) i. Masyarakat yang pelbagai kaum bersatu padu 1 ii. Membantu membanteras kegiatan jenayah 1 iii. Membantu mewujudkan keamanan 1 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) (d) i. Kegiatan jenayah berleluasa 1 ii. Penduduk selalu berada dalam ketakutan dan rasa tidak selamat 1 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>)	

Set 6 - Soalan Struktur

Jawab semua soalan di bawah.

16



Ibu Kamal yang sudah berusia tinggal berseorangan di kampung. Encik Kamal bekerja sebagai pegawai tinggi di sebuah syarikat besar di Seremban. Dia tidak mengambil berat akan kebajikan ibunya. Sudah dua tahun dia tidak pernah pulang menemui ibunya.

a) Jelaskan tiga nilai yang patut diamalkan oleh Kamal.

- (i) _____
- _____
- (ii) _____
- _____
- (iii) _____
- _____

(6 markah)

b) Jelaskan perasaan ibu Kamal yang ditinggalkan berseorangan di kampung.

(2 markah)

c) Cadangkan dua cara yang dapat dilakukan oleh Kamal untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab untuk menjaga ibunya.

- (i) _____
- (ii) _____

(2 markah)



Kerajaan telah menggubal beberapa akta untuk menjatuhkan hukuman kepada mereka yang didapati bersalah mengeksploitasi sumber secara haram dan berlebihan. Contohnya Akta Perhutanan Kebangsaan 1993.

a) Terangkan dua nilai yang ada pada kerajaan.

(i) _____

(ii) _____

(4 markah)

b) Berikan tiga sebab kerajaan mengambil tindakan tersebut.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)

c) Terangkan tiga cara anda dapat membantu kerajaan dalam mencegah pengeksploitasi sumber secara berlebihan.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)

Sejak akhir-akhir ini, terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab telah menggunakan internet untuk menyebarkan fitnah dan rasa benci tanpa memikirkan soal keselamatan negara.

a) Huraikan dua nilai yang patut diamalkan oleh pihak tersebut.

(i) _____

(ii) _____

(4 markah)

b) Berikan tiga kesan kepada negara jika tindakan mereka tidak dihentikan.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)

c) Nyatakan dua peranan rakyat semasa membaca bahan tersebut.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

d) Apakah tindakan anda jika rakan baik anda yang menyebarkan bahan tersebut.

(1 markah)

Soalan Esei

9

Kontraktor China Sedia Bantu Naik Taraf Infrastruktur Malaysia

KUALA LUMPUR: Syarikat kontraktor dari China sentiasa bersedia menawarkan kepakaran dan memindahkan teknologi pembinaan canggih bagi membantu Malaysia menaik taraf infrastruktur.

Duta China ke Malaysia, Bai Tian, berkata syarikat terbabit bukan sekadar hendak meraih keuntungan menerusi projek dilaksanakan, tetapi juga membantu Malaysia menaik taraf infrastruktur ke arah lebih tinggi.

Malah, katanya, kontraktor China akan turut melatih pekerja tempatan menjadi pekerja mahir dalam projek pembinaan, di samping mengurus projek pembangunan yang canggih.

Berita Harian Online / Isnin, 29 Januari 2018

Huraikan lima kebaikan kerjasama antara Malaysia dengan China terhadap negara.

(10 markah)

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan Malam Anugerah Wartawan.

Hotel One World, Petaling Jaya - Majlis Anugerah Wartawan merupakan hari yang ditunggu oleh wartawan-wartawan di negara ini kerana memberi pengiktirafan kepada pengamal media yang cemerlang dalam melakukan tugas atau melahirkan artikel yang luar biasa nilai beritanya.

Berikut adalah sebahagian pemenang anugerah bagi malam tersebut.

**MALAM ANUGERAH WARTAWAN
KEPUTUSAN PEMENANG**

Kategori 1	Anugerah Wartawan Pengguna Terbaik -Kumaresan Siva
Kategori 2	Anugerah Laporan Berita Cemerlang Bertajuk : Mengangkat Martabat Wanita Azman Ibrahim
Kategori 3	Anugerah Isu Semasa Terbaik Bertajuk : Kanak-Kanak Terbiar Yup Su Lin

Berdasarkan keputusan Malam Anugerah Wartawan, huraikan nilai yang diamalkan oleh para wartawan tersebut.

(10 markah)

BIL	SKEMA STRUKTUR	MARKAH
16.	i. Nilai kasih sayang terhadap keluarga – Perasaan cinta/kasih /sayang dan peka terhadap perasaan ibu dengan melaksanakan amanah untuk mengambil berat akan ibunya yang sudah tua ii. Nilai hormat dan taat kepada anggota keluarga – Memberi layanan yang sopan dan baik kepada ibunya dengan menziarahi dan bertanya khabar iii. Nilai tanggungjawab terhadap keluarga – Melaksanakan kewajipan sebagai seorang anak untuk menjaga ibu (<i>Mana-mana nilai yang sesuai</i>) (b) i. Sunyi – kerana tidak dipedulikan oleh anaknya ii. Hampa / kecewa – kerana mempunyai anak yang tidak mengenang jasa ibu (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) (c) i. Membawa ibunya untuk tinggal bersama-samanya ii. Mengirim berita/menghubungi ibunya untuk bertanya khabar (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>)	1+1 1+1 1+1 1 1 1 1
17.	(a) i. Nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar – Menyedari perlunya sumber alam ii. Nilai bertanggungjawab - Melaksanakan kewajipan untuk memastikan sumber alam sentiasa berkekalan dan tidak dieksploitasikan secara berlebihan (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) (b) i. Mencegah eksploitasi sumber secara berlebihan ii. Mengekalkan keseimbangan ekosistem iii. Mengekalkan sumber supaya tidak cepat pupus/mengekalkan kemapanan sumber (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) (c) i. Menyertai dan menyokong usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan ii. melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya mendapati terdapat kegiatan mengeksploitasi sumber secara haram dan berlebihan iii. Mengamalkan kitar semula untuk mengurangkan penggunaan sumber berlebihan (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>)	1+1 1+1 1 1 1 1 1 1
18.	(a) i. Nilai cinta akan negara – Perasaan sayang dan bangga kepada negara melebihi kepentingan diri sendiri dengan tidak menulis sesuatu yang boleh merosakkan nama baik negara	1+1

ii.	Nilai rasional - Boleh berfikir dengan menarik kembali bahan penulisan tersebut dari internet (<i>Mana-mana nilai yang sesuai</i>)	1+1
(b)		
i.	negara huru hara	1
ii.	rakyat bergaduh	1
iii.	imej negara terjejas	1
	(<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>)	
(c)		
i.	Tidak mempercayai bahan tersebut	1
ii.	Yakin dengan pertahanan dan keselamatan negara	1
	(<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>)	
(d)		
i.	menasihati rakan bahawa perbuatannya tidak betul	1
ii.	memberitahu cikgu, agar cikgu menasihati rakan	1
	(<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>)	

BIL	SKEMA ESEI	MARKAH
9.	Nilai saling membantu dan bekerjasama antara negara / Nilai saling menghormati antara negara / Nilai rasional / Nilai toleransi / Nilai kesederhanaan F1 – Menjalin hubungan yang baik antara negara H1 – Menjalin hubungan diplomatik F2 – Mengembangkan ekonomi negara H2 – Menarik minat pelabur asing ke Malaysia F3 – Pertukaran ilmu dan teknologi F4 – Mudah mendapat bantuan apabila berlaku kecemasan C4 – Contohnya isu MH370 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>)	1+1+1 1 1 1 1 1 1 1 (Max 10)
10.	Nilai kerajinan / Nilai berdikari / Nilai bertanggungjawab / Nilai rasional / Nilai penglibatan diri dalam pembangunan negara H1- Berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapat kecemerlangan C1 - melakukan tugas dengan gigih H2 - Sanggup membuat liputan berita dengan usaha sendiri C2- membuat laporan tugas tanpa bantuan orang lain H3- peka dengan isu-isu negara C3- megambil berat tentang masyarakat dan negara H4 - Mereka sebagai tulang belakang negara C4- memaparkan tentang isu-isu semasa C4- demi kepentingan masyarakat dan negara (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>)	1+1+1 1 1 1 1 1 1 1 1 (Max 10)

Set 7- Soalan Struktur

Jawab semua soalan di bawah.

19

Leonard tidak dapat menumpukan perhatian kepada pelajarannya kerana mempunyai masalah dengan rakannya , Jeremy selalu mengganggunya di dalam kelas.

- a) Apakah tindakan yang sepatutnya diambil oleh Leonard untuk menyelesaikan masalahnya? Jelaskan.

(2 markah)

- b) Ramalkan dua kesan sekiranya Leonard membiarkan masalahnya itu berterusan.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

- c) Andaikan anda kawan Jeremy, apakah nasihat yang patut anda berikan kepadanya? Mengapa?

(2 markah)

- d) Huraikan dua nilai yang sepatutnya diamalkan oleh Jeremy?

(i) _____

(ii) _____

(4 markah)



Sekumpulan pelancong dari luar negara telah dibawa melawat ke salah sebuah tempat beribadat di negara kita. Terdapat beberapa orang pelancong tersebut enggan mematuhi peraturan di tempat beribadat itu.

- a) Terangkan tiga nilai yang sepatutnya diamalkan oleh pelancong-pelancong tersebut.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(6 markah)

- b) Jika anda pemandu pelancong yang mengiringi mereka, jelaskan dua nasihat yang akan anda berikan kepada mereka.

(i) _____

(ii) _____

(2 markah)

- c) Jika anda ketua kumpulan pelancong tersebut, nyatakan:

(i) perasaan anda

(1 markah)

(ii) tindakan anda

(1 markah)

Malaysia berusaha pastikan keamanan Asia Pasifik - Najib  Share  Tweet  Share KUALA LUMPUR: Kerajaan Malaysia akan sentiasa memperjuangkan bagi lebih banyak usaha untuk memastikan keamanan, kestabilan dan keselamatan di Asia Pasifik, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.	Beliau berkata, berdepan dengan pelbagai cabaran keselamatan, negara anggota ASEAN tidak boleh hanya berpeluk tubuh tanpa berbuat apa-apa. "Kita semua perlu menyumbang bagi 'pemupukan perkongsian masa depan' dan saya berharap dan berdoa bahawa selepas sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan kemudiannya sidang kemuncak ASEAN dan sidang kemuncak berkaitan, kita akan mencapai kemajuan ketara dalam berbuat demikian.
--	---

a) Jelaskan tiga nilai yang telah diamalkan oleh kerajaan Malaysia.

- (i) _____
- _____
- (ii) _____
- _____
- (iii) _____
- _____

(6 markah)

b) Nyatakan tindakan pihak berikut dalam mewujudkan keamanan negara.

- (i) Rakyat (1 markah)
- _____
- (ii) Agensi Kerajaan (1 markah)
- _____
- (iii) Agensi Bukan Kerajaan (1 markah)
- _____

c) Namakan satu dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dalam menyatupadukan rakyat.

(1 markah)

22 Gambarajah yang berikut menunjukkan



a) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah penyebaran berita palsu? Terangkan.

- (i) _____

- (ii) _____

(4 markah)

(b) Ramalkan dua kesan sekiranya masalah tersebut dibiarkan berterusan.

- i) _____
- ii) _____

(2 markah)

(c) Terangkan nilai yang perlu diamalkan oleh rakyat apabila menggunakan media sosial.

- (i) _____

- (ii) _____

(4 markah)

11

Sikap penduduk Taman Mewah tidak pernah berubah. Walaupun peringatan telah diberikan oleh Majlis Perbandaran, masih terdapat segelintir penduduk yang tidak bertanggungjawab telah menyebabkan taman permainan kanak-kanak dipenuhi sampah sarap. Oleh itu, tindakan sewajarnya harus diambil oleh pihak berkuasa untuk menangani masalah tersebut.

(10 markah)

[illegible]

Gelaran yang diberikan kepada Perdana Menteri Malaysia

Nama	Gelaran
Tunku Abdul Rahman	Bapa Kemerdekaan
Tun Abdul Razak Hussein	Bapa Pembangunan
Tun Hussein Onn	Bapa Perpaduan
Tun Dr Mahathir	Bapa Pemodenan
Tun Abdullah Ahmad Badawi	Bapa Pembangunan Modal Insan
Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak	Bapa Transformasi

Berdasarkan tiga nilai moral, huraikan ikhtibar yang dapat anda contohi daripada negarawan di atas.

(10 markah)

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

BIL	SKEMA STRUKTUR	MARKAH
19	(a) i. Bersemuka dengan Jeremy ii. Memberitahu Jeremy supaya tidak mengganggunya lagi iii. Melaporkan kepada guru tingkatan atau kaunselor supaya guru atau kaunselor boleh menasihati Jeremy (Mana-mana jawapan yang munasabah) (b) i. hubungannya dengan Jeremy akan renggang ii. Pelajarannya terjejas (Mana-mana jawapan yang munasabah) (c) i. Jangan ganggu Leonard – Leonard tidak suka dan tersinggung ii. Tumpukan perhatian dalam kelas – Dapat mengikut pengajaran guru (Mana-mana jawapan yang munasabah) (d) i. Nilai bertanggungjawab – sanggup memikul /melaksanakan tugas/kewajipan sebagai seorang pelajar dengan menumpukan perhatian dalam kelas ii. Nilai rasional – Boleh berfikir/bertindak wajar dengan mengambil kira kesan tindakannya terhadap Leonard (Mana-mana nilai yang sesuai)	1 1 1 1 1 1 1 1+1 1+1
20.	(a) i. Nilai kebebasan beragama – menghormati tempat beribadat di negara lain/sabar/kawal diri ii. Nilai toleransi – menghormati tempat beribadat di negara lain/sabar/kawal diri iii. Nilai sikap keterbukaan – bersedia menerima peraturan di tempat beribadat tersebut (Mana-mana jawapan yang munasabah) (b) i. menerangkan kepada mereka bahawa mereka harus mematuhi peraturan di tempat beribadat ii. Menjelaskan tentang kepentingan menghormati rumah beribadat (Mana-mana jawapan yang munasabah) (c) i. Malu / kecewa ii. Memohon maaf kepada orang yang sedang beribadat (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1+1 1+1 1+1 1 1 1 1
21.	(a) Nilai hidup bersama secara aman / Nilai saling membantu dan bekerjasama / Nilai saling menghormati antara negara / Nilai	1+1+1

	bertanggungjawab / Nilai rasional (<i>Mana-mana nilai yang sesuai</i>) - berganding bahu menjaga kesejahteraan hidup sejagat 1 - bersama-sama menyelesaikan isu antarabangsa 1 - mengutamakan kedamaian dan keharmonian antara satu sama lain 1 - mengelakkan perbalahan / peperangan antara negara 1 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) (b) (i) Rakyat - tidak menyentuh isu-isu yang boleh memecahbelahkan rakyat 1 - bergaul dengan semua orang secara ikhlas tanpa sebarang prasangka 1 (ii) Agensi Kerajaan - melaksanakan pelbagai dasar perpaduan melalui kementerian dan jabatan 1 - menyokong segala usaha yang dilakukan untuk menyatupadukan rakyat 1 (iii) Agensi Bukan Kerajaan - Menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan pelbagai kaum dan agama 1 - merancang dan menaja program-program perpaduan masyarakat 1 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) c) i. Dasar Ekonomi Baru 1 ii. Dasar Pembangunan Nasional 1 iii. Dasar Pendidikan 1 iv. Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1 (<i>Mana-mana jawapan yang sesuai</i>)	
22.	(a) i. Menguatkuasakan undang-undang – memberi hukuman yang berat 1+1 ii. Melalui kempen kesedaran – menyalurkan maklumat melalui media massa kepada rakyat 1+1 (<i>Mana-mana jawapan yang munasabah</i>) (b) i. Ketidakstabilan politik 1 ii. Menjejaskan ekonomi negara 1 iii. Menjejaskan keharmonian antara kaum 1 (<i>mana-mana jawapan yang munasabah</i>) (c) i. Nilai kebebasan bersuara – bebas menyampaikan maklumat tetapi dengan batasan 1+1 ii. Nilai mematuhi peraturan dan undang-undang – tidak 1+1	

	menyentuh isu-isu sensitif	
iii.	Nilai rasional – boleh memikirkan kesan buruk	1+1
iv.	Nilai bertanggungjawab – mendapatkan kesahihan maklumat	1+1
v.	Nilai kesederhanaan – tidak keterlaluan apabila menyampaikan maklumat	1+1
<i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>		

BIL	SKEMA ESEI	MARKAH
11.	Tidak wajar Nilai menyayangi dan menghargai alam sekitar / Nilai bertanggungjawab / Nilai peka terhadap isu-isu alam sekitar H1- mempunyai kesedaran untuk memelihara persekitaran kawasan mereka C1- supaya tidak dicemari dengan sampah sarap H2- memikul tugas sebagai penduduk yang prihatin dengan kebersihan C2- memastikan kawasan taman permainan bersih H3- prihatin dengan kebersihan kawasan tersebut C3- orang ramai suka mengunjungi tempat tersebut bersama dengan anak-anak mereka <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1 1+1+1 1 1 1 1 1 1 (Max 10)
12.	Nilai bertanggungjawab / Nilai rasional / Nilai cinta akan negara / Nilai sanggup berkorban untuk negara / Nilai hidup bersama secara aman / Nilai penglibatan diri dalam pembangunan negara / Nilai kesederhanaan / Nilai saling membantu dan bekerjasama F1 – Mempertahankan kedaulatan negara H1 – Mendapatkan kemerdekaan daripada penjajah F2 – Melahirkan masyarakat yang bersatu padu H2 – melalui Wawasan 2020 F3 – Meningkatkan imej negara H3 – Malaysia terkenal di persada antarabangsa C3 – Bidang sukan - contohnya bidang badminton <i>(Mana-mana jawapan yang munasabah)</i>	1+1+1 1 1 1 1 1 1 1+1 (Max 10)